

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.11.2017

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hasil sebarang kajian komprehensif mengenai impak 'Cukai digital' yang di war-warkan berkuatkuasa di Malaysia menjelang 2018 termasuk kemungkinan kenaikan caj transaksi dalam talian 'double taxation' dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- 1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini masih mengkaji mekanisme pengenaan cukai langsung dan cukai

tidak langsung ke atas aktiviti *e-commerce* yang bertujuan bagi memastikan layanan cukai ke atas transaksi yang dibuat melalui platform *e-commerce* adalah sama dengan transaksi mengenai pemerolehan barangan dan perkhidmatan yang dikendalikan secara konvensional. Kajian ini penting untuk memastikan hak untuk mengenakan cukai ke atas barangan dan perkhidmatan dapat dipertahankan dalam era perkembangan *e-commerce*. Tambahan pula, perkembangan transaksi *e-commerce* telah berlaku dengan agak rancak dan dikhuatiri berpotensi memberi impak negatif kepada peniaga tempatan sekiranya transaksi yang dibuat melalui platform *e-commerce* adalah lebih murah disebabkan antara lain tidak menanggung pembayaran cukai.

2) Pada masa ini, terdapat tiga mekanisme percukaian yang telah dikenalpasti berpotensi untuk dilaksanakan seperti berikut:

- a. kaedah pendaftaran bagi mana-mana pembekal perkhidmatan di luar negara yang membekalkan perkhidmatan tersebut ke Malaysia di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;
- b. kaedah bayaran secara berasingan (*split payment mechanism*) bagi pembayaran yang dibuat oleh mana-mana pengguna di Malaysia kepada mana-mana pembekal perkhidmatan di luar

71

negara melalui suatu *payment gateway*; dan

c. menyediakan definisi *permanent establishment* ke atas mana-mana transaksi mengenai pembekalan barangan dan perkhidmatan yang dikendalikan melalui platform *e-commerce*. Dengan itu, cukai dapat dikenakan ke atas pendapatan bagi transaksi *e-commerce* yang dikendalikan oleh *permanent establishment*.

3) Sebagai kesimpulan, pengenaan cukai langsung dan cukai tidak langsung ke atas transaksi *e-commerce* perlu dibuat selaras dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa. Dengan itu, kajian perbandingan mengenai layanan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang digunapakai di negara luar perlu dilaksanakan untuk membuat penilaian yang komprehensif. Kerajaan perlu memastikan hak untuk mencukai ke atas transaksi *e-commerce* sentiasa dapat dipertahankan. Di samping itu, elemen percukaian dua kali perlu dielakkan bagi memastikan daya saing negara dapat dikekalkan untuk jangka masa panjang.